



TERUS BERJUANG: Kegagalan lalu tidak mematahkan semangat Cik Azizah, yang sudah 20 pengalaman berniaga dan mendoRongnya meningkatkan ilmu bagi membina semula perniagaannya.

Kerja keras berbaloi selepas terima geran modal

CIK Azizah Mohd Yasin pernah memiliki tiga gerai makanan dan sebuah syarikat pembekal sate yang menggajikan seramai 20 pekerja.

Namun setelah enam tahun berniaga, beliau terpaksa menggulung tikar kerana masalah perniagaan lalu ekoran menanggung hutang tinggi serta menyebabkan keretakan rumah tangganya.

Walaupun terlalu kecewa dengan keagalannya, tetapi peniaga berumur 52 tahun itu menguatkan semangatnya dan membuka lembaran perniagaan baru.

Cik Azizah, memulakan semula perniagaan dari rumah dan meningkatkan pengetahuan pengurusan perniagaan menerusi Program Perniagaan Mikro selama tujuh bulan di bawah Angkatan Karyawan Islam (AMP), yang selesai dijalaninya pada tahun ini.

Hasil kerja kerasnya, perniagaan makanan Melayu, di bawah nama Amy Delicacies, mampu menikmati pendapatan bulanan purata sehingga \$5,000.

Ekoran potensi perniagaan yang ditunjukkan, beliau muncul sebagai antara empat lulusan program itu yang menerima geran modal \$1,000 daripada AMP.

Geran tersebut bertujuan membantu para peniaga kecil dalam mengembangkan perniagaan mereka ke peringkat seterusnya.

“Selepas saya tutup semua gerai dan firma, walaupun terlalu hampa tetapi saya tidak boleh duduk diam sahaja. Saya cekal-

kan hati dan menghubungi semua pelanggan lama saya dan membina semula perniagaan ini dari rumah.

“Alhamdulillah lama-kelamaan, tempahan pun meningkat. Tetapi pada masa yang sama, saya sedar keperluan untuk mendalami lagi ilmu pengurusan perniagaan.

“Setelah menjalani kursus AMP, begitu banyak yang dipelajari khususnya dari segi penggunaan teknologi maklumat (IT) dan kini dapat memanfaatkan Facebook untuk memasarkan produk-produk saya,” ujar ibu tiga anak itu.

Di samping khidmat masakan lauk-pauk Melayu, Cik Azizah juga giat memasarkan produk kuih tartnya.

Malahan, kuihnya itu sudahpun diedarkan di Kuala Lumpur semasa musim Raya yang lalu.

“Yang penting, sebagai peniaga, kita tidak boleh malas. Bagi saya, walau sekecil mana pun tempahan pelanggan, saya akan terima.

“Kalau mereka minta kami menghantarnya, kami akan cuba berbuat demikian sebab bukan mudah untuk menarik pelanggan dan kita harus sentiasa bertolak ansur dengan mereka,” katanya yang pernah mengambil tempahan jahit langsir sebelum berniaga dalam bidang makanan.

Dengan duit modal \$1,000 yang dimenangi, Cik Azizah berharap membeli sebuah oven baru serta perkakas masakan lain agar beliau lebih produktif dan dapat menerima lebih banyak tempahan pelanggan. ▶ **ATIYAH MOHD SAID**